

Naratif Mualaf dan Aktivist Dakwah Terhadap Dasar Penamaan Saudara Baru¹

Narratives of Muslim Converts and Muslim Preachers on Muslim Naming Policy

MOHD AL ADIB SAMURI*, AZLAN SHAH NABEES KHAN
& RAZALEIGH MUHAMAT @ KAWANGIT²

ABSTRACT

Although the legal provision with regard to mualaf (new Muslim convert) registration is clearly stated in the state Islamic enactments, there is no any written law to determine the naming for mualaf. Starting from the year 1981, Malaysian religious authority published an official guideline on the naming for individuals who convert to Islam which is lately being criticised by some mualafs. This article intends to discuss the concept of naming from the Islamic perspective, issues related to naming of new Muslims and naming policy that administered at the religious institutions. Besides of that, the article also will discuss the narratives of mualaf regarding the implication of Muslim naming policy towards their personal life, identity, and family dynamic. Therefore, this research has conducted an in-depth semi structured interview with 11 mualaf and Muslim preachers who experience facing and handling issues related to identity change after conversion. The research found that although there is no any written law concerning the naming method for mualaf, however, the guideline on the naming published by the Department of Islamic Advancement of Malaysia (Jakim) has been taken as a policy in determining the naming for mualaf. Despite some mualaf agree to the practice of changing their previous names to Arab-Islam style names, however, there are several implications caused by the change since their identity record is not synchronized between all government and private agencies. The research also found that the practice of changing the name to Arab-Islam style name for mualaf has affected their ethnic identity and caused them problems with their family. This research is important to re-evaluate the current naming policy for mualaf to make it more flexible and understand the mualaf's initial social culture in order to ensure the continuity of da'wah in Malaysia.

¹ Part of this article has been published in the Proceedings of the International Conference on Law and Islamic Jurisprudence (ICLIJ 2017) by the Dept. of Shariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia.

² **Mohd Al Adib Samuri***(Corresponding author), Ph.D., senior lecturer at Department of Shariah, Faculty of Islamic Studies & associate fellow at Institute of Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, e-mail: al_adib@ukm.edu.my; **Azlan Shah Nabees Khan**, post-graduate student at Department of Dakwah and Leadership Studies, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, e-mail: azlanshahjb@gmail.com; **Razaleigh Muhamat @ Kawangit**, Ph.D., assoc. prof. at Department of Dakwah and Leadership Studies, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, e-mail: raza@ukm.edu.my.

Keywords: conversion to Islam, identity, Mualaf, Muslim convert, Muslim names

Nama adalah bentuk pengenalan diri yang paling asas bagi seorang manusia. Seseorang itu akan dipanggil dan dikenali melalui namanya. Pelbagai urusan kehidupan dunia ini menuntut setiap manusia agar mempunyai nama, dan semua tamadun manusia sepanjang zaman menyaksikan amalan menggunakan nama sebagai suatu bentuk pengenalan diri (Abdul Rasyid Idris 2007). Bentuk penggunaan nama menjadi salah satu indikator untuk menentukan identiti agama seseorang. Setiap agama mempunyai bentuk penggunaan namanya yang tersendiri. Bentuk-bentuk nama itu mempunyai maksud tertentu yang berasal dari tradisi dan sejarah agama tersebut. Misalnya nama Paul, Luke dan Matthew adalah nama yang sinonim dengan penganut agama Kristian, manakala nama Muhammad, Ismail dan Ibrahim adalah nama yang sinonim dengan penganut agama Islam. Perubahan kepercayaan agama seseorang selalunya diketahui apabila berlakunya perubahan pada bentuk nama peribadi. Adalah menjadi suatu kebiasaan apabila seseorang itu menukar pegangan agama, mereka turut menukar nama (Massimo 2004).

Nama juga merupakan 'tanda aras keterlihatan' (*indexes of visibility*) sebagai seorang Muslim (Hermansen 2006: 265), di samping pemakaian hijab dan pengamalan ibadah. Ini bermakna, sebagaimana yang diujahkan oleh Haddad, Smith, & Moore, (2006: 48), nama adalah cara seorang mualaf memaklumkan kepada masyarakat awam tentang status agama barunya. Memandangkan nama telah menjadi sebahagian identiti Muslim, sebahagian mualaf telah menukar nama kelahiran yang berasaskan ciri etnik dan budaya asal mereka kepada nama berasaskan Arab-Islam. Apabila mualaf menggunakan nama Arab-Islam, secara tidak langsung mereka telah menghubungkan diri dengan kelompok atau masyarakat Muslim yang lebih besar, sekaligus mengukuhkan keyakinan mereka kepada pegangan agama barunya.

Namun, pertukaran atau pemilihan bentuk nama baru selepas pemeluk Islam boleh mengeruhkan hubungan baik antara sebahagian mualaf dengan keluarga dan masyarakat bukan Islam. Ini kerana, selepas pemeluk Islam, sebahagian mualaf mengalami perubahan amalan sosial dan budaya, yang seringkali mengundang masalah dan konflik dengan keluarga asal mereka (Van Nieuwkerk 2006: 4). Nama yang turut menjadi identiti keluarga dan keturunan telah berubah, sekaligus menggambarkan tiada lagi ikatan hubungan yang formal antara diri mualaf dengan keluarganya.

Selain itu, pemilihan nama Islam adalah bersifat peribadi, dan dalam kebanyakan negara, kerajaan dan pihak berkuasa agama tidak mencampuri urusan peribadi mana-mana individu yang memeluk Islam untuk menukar nama. Namun, ini tidak berlaku di Malaysia apabila pihak berkuasa agama menetapkan ciri-ciri nama tertentu yang dibenarkan bagi identiti baru mualaf. Sehubungan itu, penulisan ini bertujuan untuk membincangkan dasar dan amalan penamaan saudara baru yang dilaksanakan di institusi agama negeri di Malaysia. Secara asasnya, penamaan mualaf di negeri-negeri di Malaysia mengikut Garis Panduan Penamaan Saudara Baru (Jakim 1991) yang dikeluarkan oleh Jakim pada tahun 1991 yang kemudiannya diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan MKI pada 25 Jun 1998. Setelah lebih 20 tahun dasar ini dilaksanakan di institusi agama, bermula pada tahun 2007, terdapat sebahagian mualaf yang mula menyuarakan perkara ini sebagai satu isu yang perlu ditangani.

Maka, artikel ini juga akan meneroka naratif di kalangan mualaf tentang dasar penamaan tersebut dan implikasinya terhadap kehidupan peribadi, identiti dan dinamika hubungan kekeluargaan mereka. Dapatan kajian ini penting bagi memahami implikasi yang dihadapi oleh sebahagian mualaf berikutan dasar penamaan yang sedia ada dan mengenalpasti keperluan menilai semula dasar penamaan mualaf tersebut agar ia lebih fleksible dan memahami sosio-budaya asal mualaf di Malaysia.

Sorotan Literatur: Mualaf, Nama, dan Pembinaan Identiti Baru

Apabila seseorang mualaf memeluk Islam, mereka memilih nama baru yang bersifat Islamik sebagai suatu simbolik kepada perubahan diri yang mereka alami (Bourque 2006: 239) dan sebagai penegasan kepada identiti Muslim yang baru pada diri mereka (Hermansen 2006: 265). Di dalam konteks Malaysia, pertukaran nama dianggap penting bagi mengisytiharkan pemelukan Islam kerana bentuk nama yang tidak identikal dengan penganut agama Islam dikhuatiri akan menimbulkan kekeliruan. Mualaf juga percaya yang mereka seperti dilahirkan semula, apabila mereka memilih nama Islamik yang baru, menggayakan cara pakaian Islamik yang baru, komited dengan ibadah dan pembelajaran agama, juga mematuhi sistem nilai moraliti Islam dalam kehidupan seharian, meliputi diet, kebersihan dan seksualiti (Bowers 2009: 193). Tujuan sebahagian mualaf memilih nama baru yang bersifat Arab-Islam adalah untuk menggambarkan affiliati dengan agama barunya dan jika nama asal mereka bercanggah dengan kehendak Islam (Neumueller 2012). Memandangkan pertukaran nama ini bukanlah suatu kewajipan di sisi undang-undang, sebahagian mualaf di pelbagai negara, termasuk Malaysia, telah mula memilih untuk kekal dengan nama asal kerana mereka mahu mengekalkan penerimaan sosial (*social acceptability*) dan mahu mengelakkan diskriminasi di tempat kerja (Jawad 2006: 155).

Bagaimanapun, terdapat kajian yang merekodkan sebahagian mualaf tidak dimaklumkan bahawa pengambilan nama Islamik hanyalah bersifat suatu galakan, bukannya kewajipan. Mereka secara tidak sedar telah 'dipaksa' atau didorong oleh harapan (*expectation*) komuniti Muslim untuk mengambil nama Islam. Ini dikenalpasti dalam kajian Allievi (2006: 125), apabila sebahagian partisipan yang ditemu bual baru mengetahui bahawa nama Muslim bukanlah wajib untuk mereka, dan sebahagian lagi menyesal kerana pertukaran nama tersebut, malah ada yang tidak lagi menggunakan nama Muslim dan mahu meninggalkannya. Allievi (2006) turut mengesan bahawa sebahagian mualaf berani untuk tidak lagi menggunakan nama Islam dan mengekalkan nama asal mereka. Sebahagian mereka hanya menggunakan nama Islamik dalam lingkungan sosial bersama individu dan komuniti Muslim atau di ruang yang didominasi oleh Muslim seperti masjid dan majlis ilmu. Ini berkemungkinan kerana individu yang memeluk Islam membuat pertimbangan sejauhmana penggunaan nama baru memberikan kesan terhadap kehidupan mereka. Tambahan lagi, di negara Barat, nama mualaf yang bersifat Islamik akan mendedahkan diri mereka kepada risiko insiden anti-Muslim dan diskriminasi (Nimer 2002: 174). Justeru, sebahagian mualaf tidak menggunakan atau mengisytiharkan nama Islamik mereka di ruangan awam, selepas pemelukan Islam (Bourque 2006: 248).

Dapatan di dalam beberapa kajian menggambarkan terdapat beberapa bentuk pertukaran nama dalam kalangan mualaf selepas pemelukan Islam. Sebahagian mualaf mengekalkan nama pertama dan nama keluarga (*surname*) untuk tujuan kegunaan keluarga asal dan undang-undang, manakala penggunaan nama Islam adalah untuk tujuan bersosial dengan komuniti Muslim. Sebahagian yang lain pula menukar nama mereka di sisi undang-undang dan meminta ahli keluarga bukan Islam memanggil mereka dengan nama Islamik yang baru tersebut. Sebahagiannya menukar nama pertama sahaja, dan sebahagian lagi menukarkan nama tengah (*middle name*) dengan nama Islamik. Bagi yang telah berkahwin, sebahagiannya menggunakan nama keluarga suami, namun terdapat juga mualaf yang mengekalkan nama keluarga sendiri. (Anway 2000: 153)

Sebahagian mualaf memilih nama Arab tertentu yang memberikan konotasi yang positif (Haddad, Smith, & Moore, 2006: 141), dari segi maksud literal ataupun dalam konteks sejarah Islam. Contohnya, nama 'Azizah' mungkin tidaklah dikategorikan sebagai Islamik kerana tiada asas dalam ajaran Islam, tetapi maksudnya meliputi kehormatan, kemuliaan dan kebangsawanan dalam

Bahasa Arab. Namun terdapat sebahagian mualaf yang tidak cenderung untuk memilih nama Arab, tetapi memilih nama Islamik dalam bahasa Arab, seperti nama para Nabi, nama tokoh dalam al-Quran, nama yang diawali dengan 'Abd dan diiringi dengan nama Allah (dikatakan sebagai *nomina sunt numina*: menurut Allievi (2006: 125), dan nama-nama keluarga Nabi dan para Sahabatnya. Maka, dakwaan sesetengah pihak bahawa mualaf telah mengalami proses Arabisasi sehingga mengambil nama Arab adalah tidak tepat kerana nama tradisional Arab bukanlah pilihan mualaf. Bahkan, dalam konteks Malaysia, sebahagian mualaf memilih nama-nama yang tidak terhad kepada nama yang penting dalam sudut pandang Islam, tetapi mereka turut menggunakan nama-nama Melayu yang berasal daripada bahasa Arab dan Parsi.

Penamaan Mualaf Menurut Perspektif Fiqh

Perbincangan mengenai penamaan menurut perspektif fiqh lebih menumpukan kepada aspek penamaan anak-anak yang baru dilahirkan ataupun individu yang mempunyai nama yang tidak baik. Namun prinsip penamaan di dalam perbincangan fiqh ini boleh diaplikasikan kepada mualaf yang mahu memilih nama Islamik untuk dirinya.

Tuntutan Menggunakan Nama yang Bermaksud Baik

Syariat Islam menekankan soal penggunaan nama yang bermaksud baik. Nama menjadi bentuk pengisytiharan identiti diri seseorang sebagai Islam, pengagungan terhadap syiar agama, hiasan dan pakaian buat bayi yang baru dilahirkan dan individu yang baru memeluk agama Islam (Abu Zayd Bakr 1995: 5). Nama yang baik ini bukan hanya bermanfaat untuk tujuan kehidupan di dunia, bahkan nama ini juga yang akan digunakan sewaktu dipanggil oleh Allah s.w.t. di hari akhirat nanti seperti yang dinyatakan di dalam hadis Nabi s.a.w yang bermaksud:

“Sesungguhnya kamu semua akan dipanggil pada hari kiamat dengan nama kamu dan nama bapa-bapa kamu, oleh itu perelokkanlah nama-nama kamu (Abu Dawud 1996a).

Sewaktu mensyarahkan hadis ini, `Abd al-Muhsin al-`Abbad (t.th) menyatakan bahawa menjadi tanggungjawab para ayah untuk memilih nama yang baik untuk anak-anak mereka. Di dalam hadis Nabi s.a.w. yang lain, turut dinyatakan bahawa terdapat bentuk-bentuk nama yang menjadi kesukaan dan keutamaan di sisi Allah s.w.t. seperti nama para nabi, Abdullah, Abdurrahman, Harith dan Hammam dan juga bentuk-bentuk nama yang dianggap buruk seperti Harb, Murrah (Abu Dawud 1996b). Bertitik tolak dari perbincangan tentang hadis ini, Abu Zayd Bakr (1995: 32) menyatakan turutan keutamaan dalam memilih bentuk nama yang baik di sisi syariat Islam adalah dengan nama Abdullah (Hamba Allah) dan Abdul Rahman, Abdul (Hamba kepada) diikuti nama Allah yang lain seperti Abdul Malik dan Abdul Aziz, nama-nama para Nabi, nama orang soleh seperti para sahabat Nabi Muhammad, nama isteri-isteri dan para sahabat wanita Nabi Muhammad s.a.w bagi perempuan, dan nama bermaksud baik yang tidak bercanggah dengan syariat dan kaedah bahasa Arab. Namun, sewaktu membahaskan tentang pemilihan nama-nama para Nabi, beliau turut menyatakan bahawa hanya terdapat empat nama dalam kalangan para Nabi yang berasal dari bahasa Arab iaitu Adam, Salih, Shu`aib dan Muhammad. Nama para nabi selain mereka telah diarabisasikan dan dianggap selari dengan kaedah bahasa arab menurut ulamak bahasa Arab. Walau bagaimanapun, Abdul Rasyid (2007) berhujah bahawa tiada dalil yang mensyariatkan nama mesti berasal dari bahasa Arab. Ini juga jelas menerusi amalan Nabi s.a.w. dalam mengekalkan nama para sahabat yang berasal dari bangsa selain Arab.

Selain itu, syariat Islam turut menganggap nama merupakan salah satu bentuk doa buat pemilik nama tersebut sebagaimana yang diceritakan oleh Sa'id bin al-Musayib daripada ayahnya yang bernama Hazn (bermaksud sedih) dan dicadangkan oleh Rasulullah s.a.w. untuk ditukar kepada Sahl (bermaksud mudah). Berikutan tindakan ayahnya tidak menukar nama seperti yang dicadangkan, Sa'id bin al-Musayib menyatakan bahawa keluarga mereka berterusan dalam kesedihan (al-Bukhari 2010a).

Seorang mualaf berhak mengekalkan nama asalnya yang bermaksud baik walaupun ia mungkin tidak selari dengan penganut agama Islam yang lain. Namun, jika tindakan mengekalkan nama asal dikhuatiri akan menimbulkan kekeliruan atau kesukaran bagi mualaf berinteraksi dengan masyarakat Islam, isu ini boleh diatasi dengan penambahan satu nama bersifat Islamik pada nama asal mereka. Contohnya, Muhammad Soon atau Aisha Chua. Penambahan nama bersifat Islamik pada nama asal, menurut al-Qaradawi (2003 3:570), adalah dibenarkan oleh syariat selagi mana nama asal tersebut tidak membawa maksud yang bertentangan dengan syariat seperti `Abd al-Masih (hamba al-Masih) atau nama-nama yang bermaksud buruk.

Tuntutan Menukar Nama yang Bermaksud Buruk

Keseriusan Nabi Muhammad s.a.w. dalam menegah penggunaan nama yang bermaksud buruk dalam kalangan umatnya dapat dilihat pada tindakan Baginda yang telah menukar nama beberapa orang sahabat dari suatu nama yang bermaksud buruk kepada nama yang bermaksud baik. Abdul Rasyid (2007) berpendapat bahawa hukum menukar nama untuk seseorang individu Muslim bergantung kepada keadaan. Hukum menukar nama boleh menjadi wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Hukum menukar nama menjadi wajib sekiranya nama yang digunakan mempunyai maksud syirik atau menyamai sifat dan kekuasaan Allah s.w.t. Ini berdasarkan hadis Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud:

“Sesungguhnya sehinah-hina nama di sisi Allah ialah seorang lelaki yang bernama Malik al-Amlak (Raja segala raja).” Sufyan berkata: yang lain mengatakan, sedangkan tafsirnya adalah shahan shah (sebutan untuk raja dari segala raja) (al-Bukhari 2010b).

“...dan Nabi s.a.w. telah menukar nama al-`As (keengkaran), `Aziz (salah satu daripada nama Allah yang bermaksud Maha Perkasa), `Atalah (kasar dan keras), Shaytan, al-Hakam (salah satu daripada nama Allah yang bermaksud Maha Bijaksana), Ghurab (jauh atau burung gagak), Hubab (nama bagi syaitan dan nama sejenis ular atau yang sejenis dengannya) dan Shihab (nyalaan api) kepada Hisham (pemurah) dan menukarkan nama Harb (perang) kepada Salm (perdamaian) . . .” (Abu Dawud 1996c).

Termasuk di dalam tuntutan menukar nama yang bermaksud buruk adalah tuntutan menukar nama yang membawa maksud menganggap diri suci atau mengangkat diri sendiri. Ini sejajar dengan apa yang diriwayatkan oleh Muslim di mana Nabi s.a.w telah menukar nama Zaynab binti Abu Salamah daripada nama asalnya Barrah yang bermaksud sangat baik (Muslim 2010a).

Antara bentuk-bentuk nama yang diharamkan di sisi syariat Islam menurut (Abu Zayd Bakr 1995: 45) adalah seperti nama Abdul (Hamba kepada) yang diikuti selain nama-nama Allah seperti Abdul Shams (Matahari) dan Abdul Nabi, nama-nama Allah tanpa perkataan Abdul sebelumnya seperti al-Rahman, al-Rahim, al-Khaliq, nama-nama bukan Arab (al-A'jamiyah) yang dikhususkan

kepada orang kafir, nama-nama berhala dan tuhan orang kafir, nama-nama bukan Arab (al-Ajamiyah) seperti nama Turki, Parsi dan Barbari yang tidak dapat diarabisasikan contohnya nama seperti Nariman, Shirihan, Nifin, Shirin, Shadi dan Jihan, nama-nama berbentuk pengagungan dan penyucian terhadap diri sendiri seperti raja segala raja, ketua sekalian manusia, hakim segala hakim dan nama-nama syaitan seperti Khinzab dan Walhan.

Menurut Abdul Rasyid (2007), hukum menukar nama pula menjadi sunat dalam keadaan nama tersebut bukan dalam kategori bentuk nama yang diharamkan oleh syariat Islam. Ini selari dengan hadis Sa'ad ibn al-Musayyib yang dinyatakan sebelum ini apabila ayahnya tidak menukar nama Hazn kepada Sahl seperti yang dicadangkan oleh Nabi s.a.w. Makruh jika ditukar nama yang baik kepada bentuk nama yang tidak baik seperti Burhan al-Din dipanggil Bob. Manakala hukum menukar nama adalah harus jika nama tersebut sememangnya bermaksud baik dalam bahasa ibundanya walaupun tidak berasal dari bahasa Arab dan haram pula hukumnya menukar nama kepada bentuk nama yang diharamkan.

Justeru, pihak berkuasa agama berhak meminta mualaf menukar nama asal diri mereka kepada nama baru hanya jika nama asal diri mereka membawa maksud-maksud yang ditegah oleh syariat Islam. Ini kerana tindakan Nabi s.a.w. menukar nama individu adalah spesifik kepada mereka yang namanya tidak bertepatan dengan tututan syariat Islam sahaja. Terdapat begitu ramai para sahabat yang tidak menukar nama diri sama sekali setelah memeluk Islam. Nabi s.a.w. mengekalkan nama mereka sebagaimana asal seperti 'Umar al-Khatab, Bilal ibn Rabah, 'Ali ibn Abu Talib dan ramai lagi.

Penukaran Nama Bapa

Salah satu isu yang menjadi kontroversi dalam perbahasan berkenaan penukaran nama mualaf di Malaysia adalah amalan penukaran nama bapa di samping penukaran nama diri mualaf. Menjadi persoalan dalam kalangan mualaf sama ada amalan menukar nama bapa ini adalah termasuk di dalam tuntutan syariat Islam atau amalan budaya sahaja. Ini kerana penukaran nama asal bapa kepada Abdullah seringkali menimbulkan konflik yang menjejaskan hubungan kekeluargaan terutamanya hubungan mualaf dengan bapa kandung mereka.

Tiada sebarang dalil daripada al-Quran atau daripada riwayat hadis Nabi s.a.w. yang menuntut seorang mualaf untuk menukar nama bapa mereka selepas memeluk Islam. Perbuatan Nabi Muhammad s.a.w menukar nama yang buruk seperti yang dibahaskan di dalam bab sebelum ini juga jelas menunjukkan bahawa perbuatan tersebut terhenti setakat menukar nama diri para sahabat dan tidak menukar nama bapa mereka. Buktinya jelas pada nama sekian ramai para sahabat Baginda s.a.w. yang mengekalkan nama bapa setelah memeluk Islam antara lain seperti 'Umar ibn al-Khatab, Bilal ibn Rabah, 'Ali ibn Abu Talib dan 'Utbah ibn Abu Lahab. Para sahabat yang nama bapa mereka tergolong dalam bentuk nama-nama yang ditukar oleh Nabi s.a.w. juga turut dikekalkan. Misalnya Nabi s.a.w menukar nama Harb kepada Salm dan al-'Ash kepada Hisham tetapi terdapat kalangan sahabat tetap dibinkan kepada Harb dan al-'As iaitu *Abu Sufyan Sakhar ibn Harb* dan 'Amru ibn Al-'As (Abdul Rasyid 2007). Bahkan nama 'Ikrimah ibn Abu Jahal juga kekal begitu walaupun bapanya adalah seorang individu yang kuat menentang Islam (Mohammad Nidzam 2011). Penelitian terhadap teks hadis berkenaan tuntutan memperelokkan nama mendapati arahan Nabi s.a.w terbatas setakat nama diri dan tidak termasuk nama bapa. Sabda Nabi s.a.w yang bermaksud:

“Sesungguhnya kamu semua akan dipanggil pada hari kiamat dengan nama kamu dan nama bapa-bapa kamu, oleh itu perelokkanlah nama-nama kamu” (Abu Dawud 1996a).

Jika diteliti pada teks hadis di atas, Nabi s.a.w menyatakan setiap individu akan dipanggil pada hari kiamat dengan nama diri dan nama bapa mereka, namun arahan Nabi s.a.w. “perelokkalah nama kamu” hanya terbatas pada memperelokkan nama diri dan tidak terdapat arahan berupa “perelokkanlah nama bapa kamu”.

Walaupun amalan menukar nama bapa bagi mualaf di Malaysia sudah dianggap sebagai suatu kebiasaan oleh masyarakat, terdapat beberapa dalil dari al-Quran dan al-Hadis yang jelas menegah perbuatan menukar nama bapa. Firman Allah s.w.t. dalam al-Ahzab (33:5) menyatakan:

Panggillah anak-anak angkat itu dengan nama bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah.

Sebab penurunan ayat al-Quran 33:5 ini adalah berkenaan dengan amalan pada zaman jahiliah apabila seseorang itu mengambil anak angkat, anak itu akan dibinkan kepada bapa angkatnya. Nabi Muhammad s.a.w. turut melakukan hal yang sama pada hamba yang kemudiannya dijadikan anak angkat iaitu Zayd ibn Harithah. Zayd dibinkan kepada Nabi s.a.w. dan dikenali sebagai Zayd ibn Muhammad oleh masyarakat setempat pada ketika itu. Selepas turunnya ayat ini, serta merta Nabi s.a.w. membinkan Zayd kepada bapa kandungnya Harithah. (al-Naisaburi 2010: 518 & Ibn Kathir 1997, 6:378) Sewaktu menafsirkan ayat ini, Hamka (1988) & Ibn Kathir (1997, 6:378) menyatakan bahawa perbuatan menukar nama ayah adalah suatu pendustaan dan tidak adil. Justeru Allah menekankan pada arahan tersebut bahawa menasabkan kepada ayah kandung itu adalah lebih adil di sisi Allah s.w.t.

Di dalam beberapa hadis yang lain pula, tindakan menukar nama bapa atau menasabkan diri kepada selain bapa sebenar dikaitkan dengan kekufuran, diancam dengan pengharaman masuk syurga, laknat Allah, malaikat dan manusia keseluruhannya (al-Bukhari 2010c; al-Bukhari 2010d; Abu Dawud 1999d; Muslim 2010b). Namun, perlu ditegaskan bahawa polisi menukar nama bapa mualaf di Malaysia bukanlah berniat untuk menasabkan mualaf dengan bapa yang lain kerana nama Abdullah bukanlah merujuk kepada mana-mana individu secara spesifik. Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan nas agama yang menjadi rujukan mana-mana pihak yang mensyaratkan mualaf perlu dinasabkan kepada Abdullah apabila mereka memeluk Islam.

Berdasarkan penelitian terhadap dalil-dalil dari al-Quran dan al-Hadis yang menegah penukaran nama bapa yang bersifat umum, boleh diujahkan bahawa amalan penukaran nama bapa bagi mualaf di Malaysia adalah suatu amalan yang perlu dipertimbangkan semula. Islam adalah sebuah agama yang menekankan konsep pemeliharaan nasab dan termasuk di dalam salah satu lima Maqasid al-Shari'ah yang utama adalah untuk melindungi jalur keturunan atau penasaban seseorang. Maka, amalan menukar nama bapa mualaf selepas mereka memeluk Islam dikhuatiri akan menghilangkan nasab keturunan, menimbulkan kekeliruan dan masalah dalam jangka masa panjang (Mohamad Nidzam 2011). Justeru, sebahagian mualaf yang mahu mengekalkan nama asal bapa mereka berhak untuk berbuat demikian bagi memelihara penasaban hubungan kekeluargaan. Ini sekali gus dapat membantu sebahagian mualaf mengurangkan konflik dengan keluarga asal dan memudahkan mereka berdakwah kepada kaum keluarga tanpa perlu berdepan persepsi bahawa mereka telah memutuskan hubungan keluarga atau keturunan setelah memeluk Islam.

Dasar Penamaan Mualaf: 40 Tahun Islamisasi di Malaysia

Malaysia telah memperkenalkan dasar Islamisasi secara komprehensif semenjak awal 1980-an, terutamanya dalam memperkukuhkan pentadbiran Islam di institusi agama di peringkat persekutuan dan negeri. Pengukuhan ini meliputi aspek pendaftaran mualaf yang dimasukkan ke dalam Enakmen Pentadbiran Islam negeri-negeri bagi melancarkan proses perundangan berkaitan pemelukan Islam dan mengukuhkan status Islam sebagai agama Persekutuan. Walau bagaimanapun, undang-undang hanya memberikan pilihan, bukannya kewajipan, kepada individu mualaf untuk mendaftarkan keIslaman mereka. Jelasnya, undang-undang juga tidak memperuntukkan sebarang peruntukan berkaitan penamaan mualaf, dan memberikan ruang kepada institusi Islam membuat sebarang polisi berkaitan. Di samping itu juga, Jabatan Pendaftaran Negara sebagai agensi kerajaan yang berbidangkuasa menjaga pendaftaran rakyat Malaysia tidak mempunyai kuasa untuk mewajibkan mana-mana mualaf menukar nama.

Biarpun tiada undang-undang bertulis tentang ini, dasar yang bersifat garis panduan dan fatwa telah mempengaruhi pejabat agama di daerah dan negeri ketika memproses permohonan pemelukan Islam, sekaligus ketika mendaftarkan nama baru yang Islamik bagi mualaf tersebut. Amalannya, para mualaf akan diberikan dokumen yang menerangkan tentang pilihan nama yang boleh dibuat sebelum membuat Kad Memeluk Islam pada hari pendaftaran tersebut. Mualaf perlu membuat keputusan sama ada mahu menukarkan nama mengikut beberapa format, ataupun mengekalkan nama asal mereka ketika lahir. Bagaimanapun, realitinya, tidak semua negeri memberikan kebebasan kepada mualaf mengekalkan nama asal mereka secara penuh, tanpa pindaan. Malahan, sebelum proses itu lagi, mualaf mungkin sudah memikirkan nama Muslim setelah mendapat cadangan daripada guru agama dan rakan beragama Islam. Tekanan polisi dan 'tekanan sosial' ini akhirnya mempengaruhi mualaf dalam pembinaan identiti baru mereka sebagai Muslim, sekaligus memberikan implikasi kepada kehidupan mereka dan status mereka di sisi undang-undang.

Dasar terawal berkaitan penamaan mualaf telah dibuat dalam Muzakarah MKI kali-1 pada 28-29 Januari 1981 yang memutuskan bahawa "bagi saudara baru (muaf) nama mereka hendaklah nama Islam mendahului nama asal, misalnya Ahmad Chong Ah Kaw." Berdasarkan keputusan muzakarah ini, fatwa ini tidaklah mencadangkan penukaran nama mualaf sepenuhnya, tetapi mengekalkan nama sedia ada dengan meletakkan nama Muslim sebagai nama pertama. Tidak diketahui sejauh mana jabatan agama mengadaptasi fatwa tersebut, namun kajian terhadap buku daftar mualaf pada awal tahun 1980-an boleh menjawab persoalan ini.

Hampir 20 tahun kemudian, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-44 pada 25 Jun 1998 telah memperakukan Garis Panduan Penamaan Saudara Baru (Jakim 1991). Garis panduan itu bertujuan untuk menjadi rujukan kepada individu, institusi atau agensi berkaitan dengan penamaan atau pendaftaran nama bagi orang yang baru memeluk Islam. Dalam garis panduan tersebut, cadangan penamaan dibahagikan kepada dua kategori mualaf iaitu Bumiputera dan Bukan Bumiputera. Bagi kedua-dua kategori ini, garis panduan tersebut menyarankan agar mana-mana mualaf boleh menukarkan nama mereka dengan nama baru dan dinasabkan dengan mana-mana nama Allah yang berpangkal Abdul, sekiranya mualaf itu ingin berbuat sedemikian.

Bagi mualaf Orang Asli dan Bumiputera Sabah dan Sarawak, penamaan mualaf mestilah tidak berunsur lucu dan hendaklah memberi maksud yang sesuai dan baik. Muaf Bumiputera juga perlulah dinasabkan kepada Abdullah atau Abdul diikuti nama-nama Allah lain yang sesuai, ataupun boleh mengekalkan nama bapanya tanpa perlu ditukar kepada Abdullah. Garis panduan juga mengiktiraf mana-mana nama asal muaf yang mirip kepada keMelayuan atau keArabian untuk dikekalkan, asalkan nama itu membawa maksud yang baik. Bagi muaf bukan Bumiputera, seperti Cina dan India, garis panduan menerangkan bahawa seseorang muaf tidak boleh (dengan penegasan) menukar keseluruhan namanya kepada nama Islam. Muaf bukan Bumiputera diminta

untuk mengekalkan nama keluarga di samping nama baru, tetapi perlu dinasabkan kepada nama Abdullah ataupun Abdul diikuti dengan mana-mana nama Allah yang lain, contohnya Lee Ping San ditukarkan kepada Mohd Arif Lee bin Abdullah. Di sini, nama keluarga Mualaf, khususnya untuk mualaf etnik Cina, boleh menamakan anak mereka dan generasi seterusnya dengan nama keluarga. Selanjutnya, garis panduan menekankan agar nama asal yang bersifat ketuhanan wajib untuk ditukar, seperti Siva dan Murugan. Memandangkan Jabatan Pendaftaran Negara menetapkan nama tidak boleh melebihi 40 aksara di kad pengenalan, maka garis panduan mencadangkan agar mualaf diberikan pilihan untuk menentukan nama barunya tanpa menggugurkan nama asal dalam kad pengenalannya. Berikutan pertukaran nama ini, individu mualaf yang memohon, akan memegang tiga dokumen pengenalan diri iaitu Kad Pengenalan, Kad Pengesahan Nama, dan Kad Memeluk Islam. Garis panduan turut memuatkan implikasi dasar penamaan ini, iaitu dalam perkara melibatkan pengenalpastian jenazah, pengurusan jenazah, pembahagian harta pusaka, kawalan terhadap individu yang ingin keluar daripada Islam dan pengenalan identiti agama. Garis panduan ini juga cuba mendefinisikan bagaimana 'kebebasan beragama' di Malaysia harus dibuat, apabila menekankan seseorang mualaf yang telah menukar namanya kepada nama Islam tidak dibenarkan sesekali menukarnya semula kepada nama bukan Islam, sekalipun beliau telah keluar daripada agama Islam.

Dalam kebanyakan negeri, enakmen pentadbiran Islam mempunyai peruntukan berkaitan dengan pemeluk Islam. Peruntukan undang-undang ini memberikan pilihan kepada mualaf untuk mendaftarkan pertukaran agama mereka kepada Islam. Contohnya, seksyen 89 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) menyatakan "a person who has converted to Islam may apply to the Registrar in the prescribed form for registration as a muallaf." Implikasinya, mungkin terdapat mualaf yang tidak mendaftarkan status mereka sebagai Muslim dengan pihak berkuasa agama, apatah lagi menukar nama secara rasmi. Selanjutnya, peruntukan undang-undang juga menerangkan tentang pendaftaran mualaf dengan Pendaftar mualaf perlu memasukkan nama dan butiran lain dalam buku Daftar Mualaf. Bagaimanapun, peruntukan undang-undang ini tidak menjelaskan adakah nama yang perlu didaftarkan itu adalah nama asal ataupun nama Islam. Besar kemungkinan undang-undang mahukan nama asal kerana pemohon perlu membawa kad pengenalan (NRIC) sebagai bukti identiti.

Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Saudara Baru (Jakim 2000), perkara 10 menerangkan tentang maklumat masuk Islam. Seseorang yang telah masuk Islam atau orang yang menguruskan pengislaman seseorang hendaklah: (b) membuat suatu catatan yang mengandungi butir-butir berikut, inter alia: (i) nama Saudara Baru; (ii) agama asal; (iii) nama setelah masuk Islam. Tatacara pendaftaran masuk Islam diterangkan dalam perkara 14 dengan lebih mendalam. Dalam Perkara 14(e), suatu Daftar Saudara baru hendaklah mengandungi butir-butir seperti, inter alia, tarikh daftar, nombor siri perakuan masuk Islam, nama penuh asal, nama penuh Islam (jika ada). Penekanan 'jika ada' di sini menggambarkan bahawa terdapat kelonggaran dalam garis panduan terbaru untuk mana-mana mualaf mengekalkan nama asal. Sebahagian kandungan dan cadangan dalam garis panduan ini telah menjadi asas kepada penggubalan Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)(Cara Pendaftaran, Jagaan dan Pengajaran Mualaf) Kaedah 2013 (PU(A) 170/2013), secara spesifiknya dalam seksyen 24.

Selanjutnya, Majlis Fatwa Negeri Perlis telah mengeluarkan fatwa yang memberikan pandangan berbeza dalam isu penamaan mualaf pada 2007. Mufti Perlis ketika itu, Mohd Asri memberitahu media bahawa mengubah nama kepada bin atau binti Abdullah apabila seseorang bukan Islam memeluk Islam hanyalah tradisi, bukan budaya dan syariat serta tidak pula diwajibkan dalam Islam (Johari Shawal 2007a). Fatwa yang hanya terpakai di negeri Perlis itu telah mencetuskan wacana di kalangan umat Islam di Malaysia, termasuklah mendapat perhatian komuniti mualaf. Mohd Asri berhujah di blognya, bahawa Islam melarang menasabkan seseorang

kepada bukan bapanya dan menghormati hak bapa mualaf. Beliau memetik autoriti bahawa Rasulullah tidak mengubah bapa seorang sahabat yang bernama Abdullah bin Abd al-Asad yang bermaksud 'hamba singa'. Mohd Asri berhujah, "baginda (Nabi Muhammad) tidak mengatakan diubah nama bapa kerana takut rosak akidah." Kedua, Mufti Perlis mahu memelihara nama baik Islam memandangkan di Malaysia "ramai bukan Islam menganggap Islam tidak adil kerana menghapuskan hubungan antara anak dan bapa ...maka mereka bertambah anti kepada Islam dan takut jika anak-anak mereka menganut Islam. ...Lebih parah jika nama keluarganya disuruh buang" (Mohd Asri 2007). Pengkritik pandangan ini daripada kumpulan konservatif Islam memandang fatwa tersebut sebagai suatu yang 'gopoh' dan perlu 'diperhalusi semula' memandangkan ada nama seseorang yang tidak bersesuaian dan boleh membawa maksud yang bercanggah dengan akidah Islam (Johari Shawal 2007b, Harakah Daily 2007). Johari Yap (2015), Pengerusi Persatuan Cina Muslim (MACMA) Kelantan, menulis bahawa pengekalan identiti bapa dalam nama mualaf Cina adalah penting kerana bagi memelihara nasab keluarga, menepati kehendak maqasid Syariah, sekaligus mengelakkan perkahwinan sesama ahli keluarga kerana tidak tahu asal-usul masing-masing.

Metodologi

Kajian telah menjalankan temu bual mendalam separa berstruktur dengan 11 orang partisipan yang berpengalaman berdepan dan menguruskan isu berkaitan nama dan identiti selepas pemeluk Islam yang terdiri daripada partisipan beretnik India, Cina dan Bumiputera Sabah. Kumpulan partisipan ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu individu mualaf yang terlibat aktif dalam mengendalikan kebajikan dan isu perundangan mualaf baru di seluruh Malaysia dan juga individu mualaf yang baru memeluk Islam. Metode *snowball* telah digunakan bagi mendapatkan 11 orang partisipan bermula dengan menemubual seorang mualaf yang berpengalaman lebih 16 tahun menguruskan kebajikan mualaf yang baru memeluk Islam. Setiap partisipan telah memberikan kebenaran bertulis untuk ditemu bual dan dirakam secara audio. Data temu bual telah ditranskrip secara verbatim dan diproses menggunakan perisian Nvivo 11 dengan menggunakan pendekatan tematik dan deskriptif. Bagi mengekalkan kerahsiaan identiti semua partisipan dalam kajian ini, nama mereka tidak dinyatakan di dalam artikel ini apabila petikan dibuat.

Dapatan: Pertukaran Nama Mualaf Dan Implikasinya Di Malaysia

Partisipan mualaf menyatakan bahawa pertukaran nama dipengaruhi oleh polisi institusi Islam di Malaysia dan juga tertekan dengan ekspektasi masyarakat majoriti Muslim. Polisi penamaan seperti yang dibincangkan dalam subtopik sebelum ini sememangnya tidak memberikan pilihan kepada mualaf untuk mengekalkan nama asal, terutamanya di kebanyakan negeri selain Wilayah Persekutuan, Selangor dan Perlis. Pegawai yang bertanggungjawab akan memberikan tekanan kepada mualaf untuk memilih nama yang bersifat Islamik, sekurang-kurangnya menambah satu nama pada nama asal, biarpun majoriti mualaf mengetahui bahawa tiada peruntukan perundangan yang mewajibkan mereka berbuat sedemikian. Seorang mualaf yang bertugas di sebuah NGO dakwah, menyatakan " . . . yang menukar sebenarnya ni pegawai dia yang kat kaunter tu. Kadang-kadang *even* Kedah pun sebenarnya peraturan tu tiada. Cuma kaunter tu bila dah terbiasa. Mesti bin dengan Abdullah . . ." Tekanan sebegini tidak hanya datang daripada pegawai agama di institusi Islam, tetapi tekanan yang sama turut datang daripada masyarakat majoriti Muslim yang berbangsa Melayu. Seorang mualaf Cina menyebut, masyarakat majoriti Muslim cenderung untuk mendesak

mualaf mengambil nama baru yang lebih bersifat Arab-Islamik, “. . . mungkin akan masyarakat kita dah terbiasa bila orang memeluk Islam dia akan tanya, apa nama Melayu kau? So bila dia kata nama dia contoh Lim Joi Soon, ini Muslim ke? Dia akan begitu, mana nama Muhammad kamu? Sebab masyarakat Melayu dia ada stigma iaitu nak masuk Islam kalau lelaki mesti ada Muhammad bin Abdullah. Kalau perempuan mesti ada Nur atau pun Siti.” Ekspektasi masyarakat Muslim ditanggapi oleh partisipan sebagai “...menyebabkan mualaf itu rasa tertekan.” Perihal mualaf tertekan dengan sikap masyarakat Muslim yang tidak memahami kesejagatan Islam turut dibincangkan oleh Nur ‘Athiroh & Fariza (2009) dalam kajian mereka mengenai memahami psikologi golongan mualaf.

Berikutan tekanan itu, sebahagian mualaf telah menukar nama bapa atau mengambil satu nama Muslim. Kajian mendapati terdapat beberapa alasan yang digunakan mereka dalam menukar nama seperti mengakui ‘uruf budaya di Malaysia, nama bermaksud tidak baik di sisi Islam, nama berunsur syirik dan berunsur agama lain, nama asal boleh mengelirukan status agama, nama adalah identiti agama di Malaysia terutamanya dalam kes kecemasan dan akhir sekali, nama Islamik akan memudahkan urusan perkahwinan. Contohnya, seorang partisipan berbangsa India berkata, “...bagi saya tukar nama ini penting sebab uruf atau keadaan di Malaysia ini, nama berkait rapat dengan agama. Dan ketika itu memang saya nak isytiharkan kepada orang yang saya ini Islam. Jadi saya melihat yang tukar nama itu dengan tujuan mengisytiharkan Islam, bukan nak tukar identiti, bukan dari India nak jadi Melayu, saya nak isytiharkan Islam itu.” Pandangan ini mungkin dilihat positif oleh majoriti Muslim, tetapi turut juga bersifat apolegetik terhadap apa yang dilaksanakan dalam polisi penamaan ini. Malahan, patisipan yang sama menyambung hujahnya, bahawa nama Abdullah adalah nama umum atau generik yang terpakai kepada semua orang kerana bermaksud ‘hamba Allah’, biarpun sebahagian partisipan lain tidak mahu dinamakan sedemikian dan berkeras nama mereka atau nama bapa mereka sewajarnya tidak ditukar.

Kajian juga mendapati bahawa sebahagian mualaf mahu mengekalkan nama bapa yang asal biarpun mereka mengambil nama Islam secara keseluruhan atau hanya penambahan satu nama sahaja. Alasan yang dikemukakan oleh mualaf untuk mengekalkan nama bapa ialah penukaran nama bapa akan memutuskan hubungan kekeluargaan, mementingkan hubungan kekeluargaan, ayah kekal dengan nama dan agama semasa, sesiapa tiada hak menukar nama bapa mereka, tiada keperluan menukar nama setelah membuat kajian sendiri, dan penamaan ‘Abdullah’ bukan ajaran Islam. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Martínez-Vazquez (2008) iaitu mualaf telah dianggap mengkhianati keluarga apabila menukar nama. Seorang partisipan memberitahu bahawa dia telah berusaha mendapatkan semula nama bapanya yang asal setelah nama tersebut ditukar selama beberapa tahun. Partisipan yang asalnya beragama Hindu itu bercerita, “. . . saya letak balik nama bapak saya . . . *you are still my father, nothing can stop*, walaupun saya masuk islam, tidak ada apa pun perbezaan dia, *only my belive is changing, you still my father*, mak kita tetap mak kita. Adik beradik kita tetap adik beradik kita.” Malahan, mualaf yang berpendidikan dan proaktif telah menjalankan penyelidikan bagi mengetahui konsep penamaan dalam Islam dan berhujah untuk menjustifikasikan pengekalan nama bapa mereka yang tidak Islamik. Seorang partisipan menyatakan, “Ada hadis yang kita jumpa, ada seorang sahabat ni, *okay* nama dia memberi maksud yang tidak baik, Rasulullah suruh tukar nama dia sebab dia ada hak untuk tukar nama dia. Tetapi ada satu kes seorang sahabat ni nama bapak dia Abdul Asad yang memberi makna kepada hamba kepada singa, tapi Rasulullah tak suruh dia tukar nama bapak dia sebab dia takda hak pun untuk tukar nama bapak dia, *you see*.” Semuanya ini menjelaskan bahawa penukaran nama bapa mualaf adalah isu paling sensitif dan kontroversial yang menyinggung perasaan sebahagian mualaf, namun pembentuk polisi jarang mendengar suara mereka.

Selanjutnya, kajian meneroka justifikasi sebahagian mualaf yang tidak mahu menukar nama mereka. Sebahagian partisipan menceritakan bahawa terdapat mualaf yang tidak menukar nama atas beberapa alasan seperti atas tujuan dakwah, menjaga sensitiviti keluarga dan nama asal sudah

bersifat Melayu-Islam. Dalam konteks dakwah, partisipan menyifatkan bahawa tindakan mualaf yang tidak menukar nama menyebabkan keluarga mereka memandang positif kerana tidak menukar nama mereka. Terdapat juga partisipan yang menyifatkan keputusan tidak menukar nama adalah untuk memelihara sensitiviti keluarga. Malahan, terdapat mualaf yang mengekalkan nama yang berunsur keagamaan Hindu semata-mata untuk tujuan dakwah. Seorang mualaf berbangsa India menceritakan, “. . . Tapi sekarang ini, ramai juga mualaf ini, walaupun nama dia Selvam, nama dia Muhammad **** Selvam. Selvam tu nama dewa dah. Tapi dari segi dakwah ini kita membolehkan guna nama-nama bapa dia, kekalkan nama bapa boleh. Sekarang ini dia tak tukar nama pun tak ape.” Tindakan mualaf ini mungkin atas kapasiti dan ‘ijtihad’ peribadi bagi menarik keluarga dan rakan mereka memeluk Islam atau positif terhadap Islam, dan tindakan ini tidaklah selari dengan polisi pihak berkuasa agama. Tindakan mualaf bernegosiasi antara identiti mereka dengan polisi penamaan mualaf di jabatan agama mungkin juga sebagai suatu ‘protes’ terhadap polisi tersebut.

Tidak dinafikan terdapat mualaf yang terkesan dengan agama baru yang dianuti sehingga menukar nama sepenuhnya, tanpa meninggalkan sebahagian nama asal. Atas justifikasi inilah, seorang partisipan mualaf yang menguruskan NGO dakwah menceritakan, “. . . ada individu yang kami kenal atau yang kami uruskan juga yang di mana selepas mereka memeluk Islam, mereka sangat sayang dengan Islam. Mereka tukar habis identiti, nama cina langsung tiada. Ok, walaupun mereka telah diberitahu tiada masalah, boleh nak kekal ja nama cina, tak perlu, tetapi mereka tukar habis langsung tidak nampak nama cina. Kalau tengok sekali lalu memang nama Melayu lah, tapi dia Cina, Cina 100%.” Ini menggambarkan bahawa terdapat mualaf yang sanggup kehilangan identiti etnisiti pada nama mereka, kerana percaya nama Arab-Melayu adalah lebih Islamik dan menepati kehendak agama yang baru dianutinya. Ini menimbulkan persoalan, mengapa terdapat individu mualaf yang sanggup menukar identiti barunya dan berenggang terus dengan identiti etniknya?

Keluarga para mualaf ini juga memberikan reaksi dan respon berbeza terhadap pertukaran nama mereka. Sebahagian keluarga mualaf menerima, sebahagian gembira apabila nama tidak ditukar, sebahagiannya menolak, dan sebahagiannya menyebabkan konflik dalam keluarga. Penukaran nama dilihat oleh keluarga mualaf sebagai penukaran nama tuhan, penukaran nama keluarga yang sepatutnya diwarisi, pertukaran identiti dan budaya etnisiti, serta membuang keluarga. Seorang partisipan mualaf menyatakan, “. . . Di situ *start* mula masalah bila nenek mula persoalkan, mak bapa mula persoalkan kenapa tukar habis nama semua tu?” Implikasi penukaran nama pada hubungan keluarga ini mungkin perlu diambil perhatian oleh penyelidik pada masa hadapan.

Selanjutnya, kajian mendapati terdapat beberapa impak yang dirasakan oleh partisipan di kalangan mualaf setelah mereka memilih untuk menukar nama dan identiti rasmi di sisi undang-undang. Antara dokumen yang terkesan akibat daripada pertukaran itu ialah kad pengenalan (NRIC), passport antarabangsa, lesen kenderaan, dokumen kontrak perjanjian dengan institusi pinjaman seperti bank, sijil peperiksaan umum, ijazah universiti, polisi takaful dan insurans, akaun bank peribadi, cek bank, pembayaran gaji, KWSP dan Perkeso, dan pendaftaran anak yang lahir selepas pemeluk Islam. Para partisipan merakamkan pelbagai pengalaman dan cabaran dalam berurusan dengan pihak berkuasa dan pihak berkepentingan dalam pertukaran nama di dokumen-dokumen ini. Semua nama di dokumen ini boleh ditukarkan kepada nama baru, namun sebahagian mualaf mendapati sebahagian maklumat tidak dikemaskini dan tidak diselaraskan antara jabatan kerajaan yang mengakibatkan sebahagian mereka mengalami kesukaran untuk apabila berurusan dengan dokumen tersebut. Sebahagian partisipan menyifatkan perkara ini adalah melecehkan, rumit, sukar, letih dan memalukan. Contohnya, seorang mualaf berbangsa Cina menceritakan, “...Macam saya sendiri juga pernah mengalami masalah apabila saya hendak *renew* passport saya

dah lama tak *renew*. Masa tu saya rasa 2013, saya *first* dapat passport masa 1998 langsung tak pernah keluar Negara sampai 2013. Lama tu, ok. 15, 16 tahun tu. So, masa tu nak pergi umrah. So, bila nak pergi umrah tu pegawai kata You tak boleh. Nak pergi renew passport dia kata. Oh, awak dah masuk Islam. So awak kena bagi IC, awak kena bagi surat pengesahan awak memeluk Islam dan kad Islam. Terfikir, saya dah masuk Islam 8 tahun dan mana nak simpan surat pengesahan Islam. Orang semua dah tahu aku ni Islam, kan. Setakat IC pun dah cukup, sebab IC kita masuk ja biomatrik dah tahu agama apa, sebab di JPN dah tukar. Tetapi masalahnya adalah dia tak *synchronize*." Selain itu, pertukaran passport yang baru tetapi belum tamat tempoh telah mengakibatkan kos kewangan kepada mualaf. Selanjutnya, sebahagian mualaf lain tidak mengalami kesukaran jika mengikut prosedur. Seorang mualaf berbangsa India yang telah memeluk Islam lebih 25 tahun menceritakan pengalaman isu passportnya, "...Pindaan nama itu bukan *delete* nama kita tau. Sebenarnya tidak timbul isu tukar nama ini, sebab nama saya ada dua. Saya ada nama Islam, saya ada nama bukan Islam secara penuh. Dalam sistem. Dalam passport antarabangsa pun dua-dua nama saya *diprint*. Atas itu dia kata Muhammad **** bin Abdullah, satu lagi ambil kertas pembawa passport ini juga dikenali sebagai nama lama saya. Tak pernah tukar nama pun, kita ada dua nama. Satu nama yang asal, satu nama Islam. Tak jadi isu pun saya rasa kekal macam itu." Kenyataannya ini memberikan naratif yang berbeza, satu-satunya partisipan dalam kajian ini yang mengatakan passportnya mempunyai dua nama.

Kesukaran lain yang ketara dan berimpak besar pada kehidupan mualaf ialah perbezaan nama pada sistem penggajian majikan dan KWSP, pada peringkat awal pemelukan Islam mereka. Apabila nama baru telah digunakan secara rasmi, mualaf mengalami kerumitan dalam menerima pembayaran gaji oleh majikan dan memasukkan caruman bulanan di KWSP dan Perkeso, memandangkan nama tidak sama, biarpun nombor kad pengenalnya sama. Partisipan mengemukakan dua naratif tentang isu ini. Sebahagiannya tidak mengalami masalah untuk menukar nama di institusi berkaitan biarpun melalui proses yang panjang, tetapi sebahagian lagi cuba untuk menyelesaikan isu ini dengan kembali mendapatkan nama asal namun tidak berjaya. Seorang mualaf berbangsa Cina menceritakan pengalaman rakannya, "Kemudian bila implikasi yang lain datang, dia macam *domino effect*, dari segi tempat kerja, dari segi majikan, so nak letak apa. Bila majikan nak bayar gaji tetapi akaun kau nama cina, jadi nama Melayu. Lepas itu, EPF, jadi isu-isu yang akan datang. Jadi dia rasa kesukaran, jadi dia pergi kembali ke jabatan agama untuk mohon tukar dan malangnya setahu saya sampai sekarang dia tidak dapat tukar." Isu yang sama juga berlaku pada akaun bank, sebagaimana yang diceritakan oleh seorang partisipan, "...Saya sudah mengadu di JPN, dia masuk dalam sistem pun macam itu juga, tak boleh ubah. Kad tu rosak ke saya pun tak tahu, dan hingga hari ini tak selesailah. Jadi setiap kali saya pergi bank ke, keluar duit saya kena keluarkan kad akuan Islam lagi, keluarkan kad saya kad pengenalan saya, macam-macam saya kena buat baru saya boleh keluar duit saya sendiri. Jadi kesusahan kepada saya, akibat pertukaran identiti ini."

Biarpun sebahagian mualaf memilih untuk tidak menukar langsung nama asal, namun mereka berhadapan dengan satu isu yang besar iaitu urusan menunaikan haji dan umrah, yang akhirnya mengubah pendirian mereka untuk menukar nama. Pihak Kedutaan Arab Saudi yang memberikan visa umrah dan haji mungkin turut memberikan tekanan kepada mualaf agar mempunyai nama yang beridentitikan Islam. Malahan, perkara ini menjadi alasan dan pertimbangan kukuh mengapa sebahagian mualaf untuk menukar nama atau menambah nama Muslim pada nama asal mereka. Bagaimanapun, jika mualaf yang tidak menukar nama tersebut berjaya membuktikan kepada pihak Kedutaan Arab Saudi bahawa mereka telah memeluk Islam menerusi dokumen rasmi seperti Kad Pemelukan Islam, visa masih boleh diberikan. Seorang pegawai mualaf di sebuah institusi penjagaan mualaf menyebut, "... Tapi sekarang ramai mualaf sudah tukar nama pada pasport mereka. Contoh bila mereka mahu pergi umrah dan sebagainya,

kadang-kadang pihak kedutaan Arab Saudi suruh tukar IC dan passport kena nama Islam. Disebabkan pihak mereka risau, jadi mereka galakkan supaya tukar nama. Tapi ada juga yang tak tukar nama yang dibenarkan pergi.”

Salah satu impak pertukaran nama lain yang signifikan ialah pada identiti bangsa atau etnik para mualaf tersebut. Seorang partisipan mengungkapkan:

“Kalau masyarakat Cina ni, nama dia tu ada makna-makna dia. Nama pertama tu nama dia, nama kedua tu nama generasi dia, nama ketiga tu nama keluarga dia. Jadi kalau dia buang yang mana-mana pun ada masalah sebenarnya. Seolah-olah dia kalau buang nama dia, dia buang nama bapak dia bagi, dia buang yang mana-mana pun ada masalah sebenarnya. Seolah-olah dia kalau dia buang nama dia, dia buang nama bapa dia bagi. Dia buang nama kedua dia, nama generasi dia pulak takde kan. Generasi mana pulak dia ni kan? Nama keluarga lagi la masalah. Jadi orang Cina secara umumnya mereka tidak suka sebenarnya untuk nak buang nama ni secara umumnya. Jadi kalau dia boleh kekalkan nama dia baguslah.”

Kajian juga mendapati bahawa sebahagian partisipan mengeluh yang mereka tidak boleh lagi kembali menggunakan nama asal dalam semua dokumen pengenalan diri dan undang-undang. Ini kerana terdapat mualaf yang cuba untuk kembali menukar nama kepada nama asal bagi memelihara identiti lama dan etnisiti. Seorang mualaf berbangsa India menceritakan:

“. . . pengalaman saya sendiri bila saya tahu tentang perkara ini, saya masuk Islam masa umur saya 16 tahun, bila saya masuk Islam, mem'bin'kan dengan Abdullah, *and then I get to know about this thing*, saya buat surat saya mintak balik tukar kepada Kalimuthu, saya pergi JPN dulu, JPN tak bagi, *this is some of the hustle that we are getting*. Bila JPN tak bagi, saya tanya kenapa tak bagi? Dia kata, 'Abdullah kan hamba Allah, semua orang kan hamba Allah'. *Then* saya cakap, "*why not you pun tukar nama bapak you jadi Abdullah, kita semua boleh jadi sedara mara . . . dan dia jadi jammed. Then I ask him* kalau *you* tak boleh saya boleh? *What is this? Come on*. Sebab *you* kata Abdullah kan hamba Allah, semua orang pun hamba Allah, dan *you all put* lah hamba Allah kita semua jadi adik beradik. Lepas daripada tu *okay*, saya *still submit*, saya bagi juga, saya dapat surat bagi tahu saya punya borang tak lengkap sedangkan borang saya lengkap. Dan saya buat apa, saya buat satu surat, saya masukkan semua hadis-hadis, ada hadis mutawatir daripada Rasulullah halang kita daripada kita tukar nama bapak kita. Saya bagi semua benda tu, sebab mula-mula bila saya pergi pusat dakwah saya nak tukar balik, dia tanya *why* apa benda semua, saya cakap nanti saya akan bagi saya punya semua detail, saya buat dalam penulisan saya, kemudian saya bagi, saya kata *this are the file now I want the change*. Dan kemudian pusat dakwah pun bagus, bila dia ambil benda tu, dia hantar surat *direct* dekat JPN, *the next week* JPN hantar surat dekat saya bagitahu permohonan saya lulus. Mula-mula dia kata apa? Borang tak lengkap, saya tak isi pun borang tau, *do you see how did*. Bagi saya, Islam ajar kita *to be truthful*, betul ke tak?"

Kajian juga mendapati terdapat implikasi jika sebahagian mualaf mengekalkan nama asal dan tidak mendaftarkan pemelukan Islam. Antaranya, mualaf tersebut masih boleh mengekalkan perhubungan sosial dengan masyarakat bukan Islam. Selanjutnya, dua partisipan menyatakan yang pengekalannya mungkin akan memudahkan proses mualaf keluar daripada Islam,

memandangkan mereka tiada nama Islam yang direkodkan dalam rekod daftar mualaf. Seorang partisipan menyatakan, “. . . bahayanya ada, kalau dia nak murtad dia akan cakap saya tak tukar nama. Pernah berlaku.” Selain itu, pengekalan nama turut boleh menyebabkan berlaku kekeliruan sewaktu situasi kecemasan. Sebagai contoh seorang partisipan bertnik India menyatakan, “. . . kalaulah kita tiba-tiba kemalangan ke, atau jumpa di hospital ke, orang tengok kad pengenalan je Lim Jui Soon misalnya, orang akan kata ini Cina, akan terus kait dengan agama, tak Islam kot.” Tambahan pula, ia turut akan menimbulkan kekeliruan dalam urusan tuntutan jenazah seperti yang pernah dibincangkan oleh Khairani, Mohd Al Adib & Mohd Zamro (2016).

Perbincangan dan Kesimpulan

Terdapat beberapa perkara di dalam dasar penamaan saudara baru sedia ada di Malaysia yang mempunyai asas dalam perbahasan fiqh, namun terdapat juga perkara yang perlu dipertimbangkan semula. Antara perkara yang wajar diteruskan ialah seperti larangan menggunakan nama bersifat ketuhanan dan nama yang maksudnya secara literal bercanggah dengan kehendak syarak. Demikian juga kebenaran bagi mualaf Bumiputera untuk mengekalkan nama yang bermaksud baik dan kebenaran bagi mualaf bukan Bumiputera seperti mualaf Cina dan India untuk mengekalkan nama keluarga adalah suatu perkara yang selari dengan ruh syarak dalam melindungi identiti keluarga dan keturunan mualaf. Namun mualaf bukan Bumiputera juga sewajarnya dibenarkan untuk mengekalkan nama asal mereka sepenuhnya tanpa perlu ditambah dengan sebarang nama Islamik jika nama tersebut bermaksud baik dan tidak bercanggah dengan syarak. Walau bagaimanapun, dalam aspek penasaban mualaf sama ada Bumiputera ataupun bukan Bumiputera kepada Abdullah atau Abdul diikuti nama-nama Allah yang lain adalah suatu yang wajar dinilai semula. Selain tindakan menasabkan diri kepada selain bapa kandung jelas dilarang oleh syarak, tindakan menukar nama asal bapa juga seolah-olah menghilangkan rekod nasab mualaf tersebut dengan bapa kandungnya yang mungkin akan menimbulkan kekeliruan pada masa hadapan. Sewajarnya segala bentuk perubahan atau penambahan, jika perlu, hanya dihadkan kepada nama diri mualaf dan tidak melibatkan nama bapa mereka sepertimana yang dilakukan oleh Nabi s.a.w. terhadap para sahabatnya.

Perbincangan berkenaan dasar penamaan mualaf sedia ada dan naratif mualaf terhadap dasar tersebut pula, kajian mendapati bahawa biarpun undang-undang bertulis berkaitan penamaan ini tiada, namun garis panduan yang dikeluarkan pihak berkuasa agama telah mempengaruhi bentuk penamaan mualaf. Walaupun sebahagian mualaf setuju dan selesai dengan penukaran nama baru yang bersifat Arab-Islam, terdapat beberapa implikasi yang mereka alami memandangkan rekod nama dan identiti mereka tidak diselaraskan di semua agensi kerajaan dan swasta. Kajian juga mendapati sebahagian mualaf mengalami konflik identiti dan kesukaran kerana pertukaran nama telah menjejaskan identiti etnik dan dinamika hubungan kekeluargaan. Bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa pengalaman dan naratif mualaf ini adalah terhad kepada diri mereka atau individu yang pernah mereka uruskan, dan tidak semua isu ini berlaku kepada semua populasi mualaf di Malaysia. Namun naratif mereka menggambarkan sebahagian mualaf memang mengalami isu tersebut dan terdapat persamaan konteks antara mereka.

Kajian mencadangkan agar dasar penamaan mualaf sedia ada dilonggarkan dan ditambah baik oleh pihak berkuasa agama dan pegawai Pendaftar Mualaf juga perlu diberikan pendedahan tentang implikasi dasar penamaan terhadap mualaf agar urusan pendaftaran mualaf lebih fleksibel, mesra dan memahami sosio-budaya asal mualaf di Malaysia. Adalah dicadangkan kepada pihak berkuasa agama agar membenarkan mualaf bukan Bumiputera untuk mengekalkan nama asal sepenuhnya tanpa sebarang penambahan nama Islamik sekiranya nama tersebut mempunyai maksud yang baik dan tidak bercanggah dengan hukum syarak. Selain daripada praktis penukaran

nama bapa mualaf dinilai semula, mualaf yang telah menukar nama diri atau bapa dan ingin kembali menggunakan nama asal diri dan bapa, bukan untuk tujuan penukaran agama, juga wajar dibenarkan untuk berbuat demikian oleh pihak berkuasa agama dan pihak birokrasi. Dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan bagi pemurnian dasar penamaan Mualaf agar golongan mualaf berupaya untuk mengekalkan identiti etnik, keluarga, keturunan dan mengurangkan konflik dengan kaum keluarga dan masyarakat bukan Islam sekaligus membantu perkembangan dakwah Islamiah di Malaysia.

Penghargaan

Penyelidikan ini adalah di bawah geran Universiti Kebangsaan Malaysia, GUP-2016-017.

References

- Abu Zayd, Bakr bin Abdullah. 1995. *Tasmiyah al-Maulud, Adab wa Ahkam*. Riyadh: Dar al-Asimah
- Abu Dawud. 1996a. Sulayman ibn Ash'ath al-Azadiy al-Sijistaniy. *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Adab, Bab fi Taghyir al-Asma'. Hadis No. 4948. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyah.
- Abu Dawud. 1996b. Sulayman ibn Ash'ath al-Azadiy al-Sijistaniy. *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Adab, Bab fi Taghyir al-Asma'. Hadis No. 4950. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyah.
- Abu Dawud. 1996c. Sulayman ibn Ash'ath al-Azadiy al-Sijistaniy. *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Adab, Bab fi Taghyir al-Asma' al-Qabih. Hadis No. 4965. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyah.
- Abu Dawud. 1996d. Sulayman ibn Ash'ath al-Azadiy al-Sijistaniy, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Adab, Bab fi al-Rajul Yantami ila Ghayr Mawalihi. Hadis No. 5113. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyah.
- Abd ras. t.th. Audio. <http://audio.islamweb.net/audio/index.php?page=FullContent&audioid=173579>.Islamweb.
- Abdul Rasyid Idris. 2007. *perluakah menukar nama bapa apabila memeluk Islam* di soaljawab.wordpress.com, 31 December 2007. <https://soaljawab.wordpress.com/2007/12/31/perluakah-menukar-nama-bapa-apabila-memeluk-islam/>. Akses: 14 August 2017.
- Allievi, S. 2006. The shifting significance of the halal/haram frontier narratives on the hijab and other issues. In, K. Van Nieuwkerk (Ed.). *Women Embracing Islam: Gender and Conversion in the West* (pp. 120-150). Austin: University of Texas Press.
- Anway, C. L. 2000. 7: American women choosing Islam. In, Y. Y. Haddad & J. L. Esposito (Eds.). *Muslims on the Americanization Path?* (pp. 145-160). New York: Oxford University Press.
- Bourque, N. 2006. How Deborah became Aisha the conversion process and the creation of female Muslim identity. In, K. Van Nieuwkerk (Ed.). *Women Embracing Islam: Gender and Conversion in the West* (pp. 233-249). Austin: University of Texas Press.
- Bowers, A. 2009. The search for justice- Islamic pedagogy and inmate rehabilitation. In Y. Y. Haddad, F. Senzai, & J. I. Smith (Eds.). *Educating the Muslims of America* (pp. 179-208). New York: Oxford University Press.
- al-Bukhari. 2010a. Muhammad ibn Isma'il. *Sahih al-Bukhari*, Kitab Adab, Bab Ism al-Hazan. Hadis No. 6190. Beirut: al-Maktabah al-Asriyah.
- al-Bukhari. 2010b. Muhammad ibn Isma'il, *Sahih al-Bukhari*, Kitab Adab, Bab Abghada al-Asma' ila Allah. Hadis No. 6206. Beirut: al-Maktabah al-Asriyah.
- al-Bukhari. 2010c. Muhammad ibn Isma'il, *Sahih al-Bukhari*, Kitab Fara'id, Bab Man Idda'a ila ghayr Abihi. Hadis No. 6766. Beirut: al-Maktabah al-Asriyah.

- al-Bukhari. 2010d. Muhammad ibn Isma`il, *Sahih al-Bukhari*, Kitab Fara'id, Bab Man Idda`a ila ghayr Abihi. Hadis No. 6767. Beirut: al-Maktabah al-`Asriyah.
- Haddad, Y., Smith, J. I., & Moore, K. M. 2006. *Muslim Women in America: The Challenge of Islamic Identity Today*. New York: Oxford University Press.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. 1988. *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Harakahdaily. 2007. Majlis Fatwa Negeri Perlis Digesa Jangan Gopoh, Perhalusi Isu 'bin Abdullah' 12 March 2007., <http://arkib.harakahdaily.net/arkibharakah/index.php/arkib/berita/lama/2007/3/6796/majlis-fatwa-perlis-digesa-jangan-gopoh-perhalusi-isu-bin-abdullah.html>. Akses: 5 December 2017.
- Hermansen, M. 2006. Keeping the faith convert muslim mothers and the transmission of female Muslim identity in the West. In, K. Van Nieuwkerk (Ed.), *Women Embracing Islam: Gender and Conversion in the West* (pp. 250-275). Austin: University of Texas Press.
- Ibn Kathir, Isma`il ibn `Umar ibn Kathir. 1997. Jilid 1. *Tafsir al-Quran al-Azim*. al-Muhaqqiq: Muhammad Husayn Shams al-Din. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Jakim. 1991. *Garis Panduan Penamaan Saudara Baru*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jakim. 2000. *Garis Panduan Pengurusan Saudara Baru*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jawad, H. 2006. Female conversion to Islam the sufi paradigm. In K. Van Nieuwkerk (Ed.), *Women Embracing Islam: Gender and Conversion in the West* (pp. 153-171). Austin: University of Texas Press.
- Johari Shawal. 2007a. Perlis wajibkan mualaf kekal nama bapa tanpa 'Abdullah'. *Utusan Online*. 11 March 2007. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0311&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm. Akses: 5 December 2017.
- Johari Shawal. 2007b. Perlis pengamal mazhab Syafii tulen. *Utusan Online*, 28 October 2007. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1028&sec=rencana&pg=re_03.htm. Akses: 5 December 2017.
- Johari Yap. 2015. Bapaku bukan mualaf. *Sinar Online*. 16 ogos 2015, diakses pada 5 December 2017, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/karya/pendapat/bapaku-bukan-mualaf-1.419859>
Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)(Cara Pendaftaran, Jagaan dan Pengajaran Mualaf) Kaedah 2013 (PU(A) 170/2013).
- Khairani Mohd Husin, Mohd Al Adib Samuri & Mohd Zamro Muda. 2016. *Selepas Syahadah: Kewajipan Pemakluman Pemeluk Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- Martínez-Vazquez, H. 2008. Finding Enlightenment: U.S. Latina/o's Journey to Islam. *Journal of Latino/Latin American Studies*. 3(2): 59-73.
- Massimo Leone .2004. *Religious Conversion and Identity: The Semiotic Analysis of Text*. Routledge. t.tp
- Mohd Asri Zainul Abidin. 2007. Isu Bin Bukan Bapa Dan Imej Islam, di drmaza.com, 11 March 2013. <http://drmaza.com/home/?p=2337>. Akses: 21 April 2017.
- Mohammad Nidzam Abd Kadir. 2011. *Fiqah Muallaf Antara Tuntutan dan Keutamaan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Muslim ibn al-Hajjaj. 2010a. *Sahih Muslim*, Kitab al-Adab, Bab Istihbab Taghyir al-Ism al-Qabih ila Hasan wa Taghyir Ism Barraah ila Zaynab wa Juwayriyah wa Nahwihima. Hadis No. 5607. Beirut: al-Maktabah al-`Asriyah.
- Muslim ibn al-Hajjaj. 2010b. *Sahih Muslim*, Kitab al-`Itq, Bab Tahrimi Tawalli al-Atiqi Ghayra Mawalihi. Hadis No. 3791. Beirut: al-Maktabah al-`Asriyah.
- al-Naisaburi .2010. *Reasons of Revelation of the Noble Quran*. Aiman Saleh Sha'aban & Muhammad

- Ismail (trsl.). Selangor: Dakwah Corner Bookstore (M) Sdn Bhd.
- Neumueller, C. 2012. *The 21st Century New Muslim Generation: Converts in Britain and Germany*. University of Exeter. <https://ore.exeter.ac.uk/repository/handle/10871/8406>
- Nimer, M. 2002. Muslims in American public life. In, Y. Y. Haddad (Ed.). *Muslims in the West: From Sojourners to Citizens* (pp. 169-184). New York: Oxford University Press.
- Nur 'Atiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham. 2009. Keperluan memahami psikologi saudara Muslim. *Jurnal Hadhari*. 2: 83-97.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2003. Jil 3. *Min Huda al-Islam Fatawa Mu'asirah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Van Nieuwkerk, K. 2006. Introduction: gender and conversion to Islam in the West. In, K. Van Nieuwkerk (Ed.). *Women Embracing Islam: Gender and Conversion in the West* (pp. 1-16). Austin: University of Texas Press.